



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROJEK PEMBANGUNAN PUSAT PEMBELAJARAN IMERSIF PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Disember 2025 – Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) terus mengorak langkah progresif dengan memperkenalkan pendekatan baharu berasaskan teknologi digital dan imersif dalam usaha menarik minat generasi muda, sejajar dengan perkembangan pesat teknologi masa kini.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, hari ini telah mengadakan sesi *walkabout* bagi meninjau pelaksanaan projek tersebut. Beliau menegaskan bahawa penggunaan teknologi sebagai medium pembelajaran mampu menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat berpengetahuan, dan berdaya saing.

Projek Pembangunan Pusat Pembelajaran Imersif ini dibangunkan bertujuan untuk memperluas akses kepada sumber maklumat digital serta menggalakkan penggunaan teknologi sebagai medium untuk memperkukuh perpaduan masyarakat melalui pelaksanaan program literasi digital yang lebih komprehensif. Projek di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas Rolling Plan 5 (RMKe-12 RP5) serta merupakan sebahagian daripada Inisiatif Belanjawan 2025 di bawah Pendigitalan Khazanah Warisan Negara telah bermula pada 15 Mac 2025 dan disiapkan sepenuhnya pada 28 November 2025.

Pusat ini merupakan satu inisiatif strategik yang bertujuan memperkenalkan dan memanfaatkan teknologi terkini seperti Realiti Maya (VR), Realiti Terimbuh (AR), Metasemesta(metaverse), Hologram, Avatar Pustakawan, skrin LED, panel interaktif, Robozone serta AR Photobooth. Inisiatif ini dilaksanakan bagi memperkaya pengalaman dan pembelajaran digital kepada pengguna serta memperkukuh peranan

PNM sebagai peneraju perpustakaan yang moden dan progresif di Malaysia. Perkhidmatan pusat ini dijadualkan dibuka kepada pengguna pada pertengahan Januari 2026.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) akan terus mempergiat usaha bagi memperluaskan penggunaan teknologi baharu dalam perkhidmatan perpustakaan kepada rakyat.

Kementerian Perpaduan Negara

16 Disember 2025

KPN.100-9/1/16 (104)